

ISNIN, 16 OKTOBER, 1978

Lawatan yang amat berjaya

DATO Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pulang ke tanahair selepas lawatan yang amat berjaya ke Amerika Syarikat dalam usaha menarik minat pelaburan Amerika di Malaysia.

Tidaklah dapat disangkal betapa beratnya tugas yang dipikul oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu untuk mendapat pelabur-pelabur Amerika memberi perhatian kepada Malaysia dan mendapatkan mereka menghadiri seminar-seminar di mana segala yang harus diketahui oleh mereka telah dijelaskan dan segala pertanyaan mereka dijawab dengan memuaskan hati.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, hasil-hasil yang dicapainya dalam lawatan ke Amerika itu adalah lebih dari hasil-hasil usahanya di Eropah pada bulan April lalu. Keadaan ini barangkali kerana orang-orang Eropah memang lebih "conservative" dari orang-orang Amerika dalam sebarang hal.

Menurut Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu, pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha Amerika telah menunjukkan minat besar terhadap Malaysia hingga ada yang membayangkan keinginan hendak mengetahui lebih lanjut tentang suasana pelaburan di Malaysia dan ada yang sanggup pula hendak melawat Malaysia sebelum akhir tahun.

Malaysia tentulah mengalu-alukan kedatangan mereka itu kerana ia tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan malah sedia memberi segala kemudahan kepada pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha berkenaan untuk menyiasat sebarang bidang yang mereka minati.

Malaysia tidaklah cuba menarik pelaburan-pelaburan asing itu untuk kepentingan dirinya sahaja. Tiada siapa pun yang akan melabur di sini jika tidak ternampak sebarang keuntungan baginya dan keselamatan bagi modal dan harta bendanya. Dalam hubungan ini kestabilan politik dan ekonomi tanahair kita boleh berdiri sebagai jaminan yang paling kuat.

Adalah menggalakkan bahawa hasil dari lawatan Timbalan Perdana Menteri itu dua permohonan telah terus disampaikan untuk membuat perkakas-perkakas rawatan kedokteran dan bot-bot 'makan angin' di sini. Selain dari pasarnya di sini maka barang-barang yang dibuat itu boleh dieksport pula. Jelaslah kedua-dua belah pihak akan beroleh faedah dari pelaburan itu sekiranya segala urusannya berjalan dengan baik.

Sekiranya semua pihak yang berminat dapat datang ke sini, bolehlah diyakinkan bahawa mereka akan lebih yakin nanti bila melihat suasana pelaburan itu dari dekat dan menyaksikan kemampuan rakyat Malaysia untuk memainkan peranan yang diperlukan dari mereka sama ada sebagai pekerja mahupun sebagai pengguna.